سكولة كبڠسائن عالم مكة دوا
SEKOLAH KEBANGSAAN ALAM MEGAH DUA
PERSIARAN KUALA LANGAT, SEKSYEN 27, 40400 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
TEL: (6) 03 - 5192 6879, 5191 8502 FAX: (6) 03 - 5191 1671

Ruj. Kami : Bil ( ) dlm. SKAMD 07/ 041002

Melalui,
Persatuan Ibu Bapa dan Guru,
SK Alam Megah Dua,
Seksyen 27,
40400 Shah Alam

Kepada,
Ibubapa / Penjaga

16 Januari 2012

Tuan / Puan

JOM BACA AKHBAR

Berhubung perkara di atas, Panitia Bahasa Malaysia ingin memaklumkan bahawa panitia ini akan menjalankan aktiviti 'Jom Baca Akhbar'. Sehubungan dengan itu, pihak panitia akan menjalankan jualan akhbar Berita Harian kepada kumpulan sasaran (murid-murid tahap dua) bermula pada bulan Februari 2012 ini.

2. Aktiviti 'Jom Baca Akhbar' ini dijalankan sebagai salah satu cara ke arah menggalakkan murid-murid membaca selari dengan hasrat kerajaan ke arah melahirkan masyarakat membaca. Selain itu, aktiviti sebegini akan dapat menambahkan pengetahuan serta penguasaan kosa kata murid selain dapat memberi pengetahuan tentang isu semasa dan info terkini yang berlaku di dalam dan luar negara.

3. Pembelian akhbar tersebut tiada mempunyai sebarang unsur paksaan. Namun begitu, pihak Panitia Bahasa Malaysia begitu mengalu-alukan agar tuan/puan menggalakkan anak-anak tuan/puan membeli serta membaca akhbar tersebut terutama pada hari Isnin kerana terdapat sisipan Didik dengan harga RM 1.00 senaskah.

4. Kerjasama dan keprihatinan tuan/puan dalam menjayakan usaha serta merealisasikan hasrat untuk melahirkan generasi cintakan ilmu dan memartabatkan bahasa, saya ucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(PN ROS AINI BT CHE MAN)
Guru Besar, SKAMD

ROS AINI BT CHE MAN
Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Alam Megah Dua
Persiaran Kuala Langat Seksyen 27
40400 Shah Alam